

**MAS Didakwa Sejumlah US\$80 Juta  
Bernama  
6 September 2011**

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Malaysia Airline System Bhd (MAS) didakwa oleh GIRO - Warranty House International, Inc. AS kerana melanggar kontrak dan salah nyata fraud dan bagi mendapatkan ganti rugi sehingga US\$80 juta (US\$1=RM2.98).

Dalam satu makluman kepada Bursa Malaysia Selasa, MAS berkata ia telah dikemukakan dengan dakwaan di Mahkamah Daerah Amerika Syarikat bagi Northern District Oklahoma pada 22 Ogos, 2011.

Tanpa membuat penjelasan lanjut mengenai litigasi, MAS berkata ia sedang menyemak dakwaan itu dengan bantuan peguam luar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=611834>